

## **MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH MUALLIM**

Pejabat Daerah dan Tanah Muallim telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 26 April 2024 bertempat di Arena Square, Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Slim River, Perak.

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) turut menyertai majlis ini dengan kehadiran seramai 20 orang staf. Sambutan ini diserikan lagi dengan pelbagai juadah dengan bertemakan Riang Ria Raya yang disediakan di reruai semua jabatan dan agensi di bawah jabatan masing-masing. INSTUN tidak terkecuali menyediakan juadah enak berupa Cucur Udang.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran komuniti setempat yang meraikan bersama. Sambutan Raya Daerah Muallim pada tahun ini turut disajikan dengan pertandingan gerai terbaik.

#INSTUN #MalaysiaMADANI #RayaAidilfitriMuallim #raya2024

